

01/07/1998

JKR sedia kertas kerja tugas MSAN

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Kerja Raya sedang menyediakan kertas kerja terperinci merangkumi sumber serta kemampuan membekal air mengikut negeri bagi memudahkan tugas Majlis Sumber Air Negara (MSAN).

Menterinya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pegawainya sudah mengadakan mesyuarat pertama dan dalam proses meminta semua kerajaan negeri mengemukakan cadangan serta maklumat yang diperlukan.

"Pendekatan sebegini dijangka dapat membantu penyelarasan kaedah terbaik bagi mendapatkan anggaran sumber air mengikut negeri selain merumuskan kaedah yang sesuai untuk pengagihan air mengikut keperluan masing-masing.

"Semalam kementerian sudah mengemukakan kertas kerja awal kepada MSAN dan menerima persetujuan semua menteri besar serta ketua menteri bagi memulakan usaha bersepadu mengatasi masalah bekalan air negara.

"Selain itu, kementerian juga akan mencadangkan penubuhan agensi serta pejabat operasi yang difikirkan perlu bagi melicinkan operasi MSAN," katanya.

Mesyuarat pertama MSAN yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam memutuskan untuk menempatkan urusetia majlis di Kementerian Kerja Raya bagi menyelaraskan operasi.

Perkara utama yang ditimbulkan oleh kerajaan negeri ialah mengenai soal bayaran, jenis air yang patut dibekalkan dan kegunaan air itu sama ada untuk pertanian, penjanaan kuasa atau domestik.

Selain itu perbezaan kaedah bayaran serta urus niaga membabitkan bekalan air yang berbeza mengikut negeri turut merumitkan usaha menyelaraskan satu kaedah yang seragam.

(END)